

Jurnal Personalia Pelajar 18(1)(2015): 55 - 64

“Experiential Learning” Dan “Service Learning”: Ke Arah Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar UKM

(“*Experiential Learning*” and “*Service Learning*”: *Towards Improving Soft Skills of UKM Students*)

NORAZILA MAT, JAMSARI ALIAS, NAZRI MUSLIM & NUR ATIQAH ABDULLAH

ABSTRAK

Pengajaran dan Pembelajaran dewasa ini perlu merangkumi keseluruhan aspek perkembangan pelajar. Pembangunan minda dan intelek pelajar haruslah seiring dengan perkembangan dan keperluan rohani, jasmani serta emosi. Perancangan akademik masa kini juga mencadangkan supaya pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus perlu mengandungi elemen kemahiran berkomunikasi, ketrampilan berfikir, semangat kerja berpasukan dan pembelajaran sepanjang hayat. Penekanan kepada pengluasan serta kepelbagaiannya kaedah pengajaran dan pembelajaran ini, pada prinsipnya, adalah selaras dengan cita-cita pendidikan dan falsafah UKM semenjak awal penubuhannya, iaitu untuk melahirkan siswazah berfikiran luas serta seimbang. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan “experiential learning” dan “service learning” ke atas pelajar UKM serta melihat bagaimana kaedah-kaedah baharu ini dapat dilaksanakan dalam kursus yang bersifat kemahiran generik di UKM. Kajian penyiasatan kualitatif ini melibatkan tiga kumpulan pelajar tahun satu yang telah mengambil kursus Pembangunan Diri II di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM. Data kajian diperolehi melalui temubual mendalam, perbincangan berkumpulan serta refleksi peserta selepas selesai sesi-sesi tertentu dalam merujuk pandangan pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran “experiential learning” dan “service learning” kursus tersebut. Hasil kajian menunjukkan pandangan pelajar UKM terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran ini adalah positif secara keseluruhan di mana peningkatan dalam jatidiri, kerjasama, komunikasi dan pengurusan maklumat dapat dikesan.

Kata kunci: Kaedah pengajaran & pembelajaran, “Experiential Learning” & “Service Learning”.

ABSTRACT

The teaching and learning today should cover all aspects of student development. The development of the mind and the intellect of students must be align with their spiritual, physical and emotional developments. Academic planning today have suggested that teaching and learning courses should include elements of communication skills, thinking skills, teamwork and lifelong learning. The emphasis on expansion and diversification of teaching and learning methods are, in principle, is in line with the ideals of education and philosophy of UKM. This study is aimed to explore the implementation of “experiential learning” and “service learning” for UKM students and to explore how new methods could be implemented in the courses in UKM. This qualitative study involved three groups of students from the Faculty of Economic and Management, UKM who have taken courses of Personal Development II. Data were collected through in-depth interviews, group discussions and reflections of the participants. The results showed that students are convinced that the teaching and learning methods, particularly through the implementation of “experiential learning” and “service learning” in overall brought positive impact and improve their self-identity, teamworks, communication and life-long learning and information management skills.

Keywords: Teaching and learning method, Experiential learning & service learning.

PENGENALAN

Pengajaran dan Pembelajaran hari ini perlu seiring dengan perkembangan dan keperluan rohani, jasmani serta emosi di samping intelek. Perancangan akademik masa kini juga mengusulkan supaya pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus perlu meliputi elemen kemahiran insaniah dalam berkomunikasi, ketrampilan berfikir serta semangat kerja berpasukan dan pembelajaran sepanjang hayat. Pada prinsipnya ini adalah selaras dengan cita-cita pendidikan liberal pada tahap awal penubuhan UKM, iaitu untuk melahirkan siswazah berfikiran luas serta seimbang. Mutakhir, IPT di Malaysia mengorak langkah menuju ke arah pemantapan dan pemerksaan pembangunan modal insan secara bersepada dan menyeluruh dengan mengambil kira kemakmuran negara dan kehendak pasaran kerja. Ini juga secara tidak langsung berkait rapat dengan isu meningkatkan kualiti produk IPT.

Experiential Learning dan *Service Learning* adalah dua kaedah pembelajaran yang mampu membawa pelajar pelajar merasai, menghayati dan seterusnya mengalami sendiri hasil pembelajaran yang diperuntukkan. *Experiential Learning* ataupun Pembelajaran melalui Pengalaman; selepas ini dipendekkan sebagai (EL) dalam kertas ini, berlaku apabila pengalaman pengalaman tertentu dalam pembelajaran dipilih secara teliti, dan disertakan dengan refleksi, analisa kritikal dan juga penaakulan. *Service Learning* ataupun Pembelajaran melalui Perkhidmatan; selepas ini dipendekkan sebagai (SL) dalam kertas ini, adalah hampir sama dengan EL, cumanya pelajar pelajar terlibat dengan kitaran melakukan khidmat dan refleksi dalam pembelajaran. Ringkasnya, melalui EL dan SL ini, para pelajar akan dapat menggabungkan pengetahuan, ketrampilan dan nilai melalui pengalaman pengalaman yang diperolehi secara langsung.

KAJIAN LEPAS

Dalam kajian yang dijalankan oleh Lazerson, Wagener & Shumanis (2000) menunjukkan hanya 1/3 daripada 1400 institusi pengajian tinggi di USA yang menilai pelajar mereka mengenai *higher-order learning skills, affective development or profesional development*. Jadi tidaklah menghairrankan bila Oblinger & Verville (1998) menulis bahawa ramai majikan yang melaporkan bahawa graduan dewasa ini lemah dalam beberapa kemahiran seperti menulis, komunikasi lisan, kerja berpasukan dan pembelajaran sepanjang hayat. Kenyataan ini juga disokong oleh Association of American Colleges and Universities (2008) yang mengatakan majikan mencari

graduan yang mempunyai keupayaan atau kemahiran yang tinggi dalam menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, komunikasi dan kepimpinan.

Di Malaysia, kegagalan siswazah mendapat pekerjaan adalah disebabkan mereka tidak memiliki soft skill atau kemahiran insaniah yang diperlukan majikan. Kajian Haslinda, Muhammad Nubli dan Zarina (2005) mendapati kebolehpasaran setiap graduan dinilai dalam pelbagai aspek dan pihak majikan cenderung mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan. Kajian yang dilakukan oleh Pusat Pembangunan Akademik (CADE) UPM mendapati isu-isu berkaitan dengan kemahiran insaniah berada di tangga ke sepuluh semasa sesi temuduga dijalankan berbanding dengan isu berkaitan akademik yang berada di tangga ke lapan belas (Mohamad Shatar dan Azali Mohamad, 2008). Ini menunjukkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan pembentukan kemahiran insaniah pelajar perlu diberi perhatian yang serius terutama di peringkat Institut Pengajian Tinggi di negara kita.

Kepentingan pembangunan sumber manusia dalam pembangunan sesebuah negara telah lama diakui. Menurut Rahmah (1997), beberapa buah negara rantau ini mampu mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi melalui pembangunan sumber manusia yang teliti walaupun mempunyai modal fizikal yang sangat sedikit. Sebaliknya terdapat beberapa buah negara yang kaya dengan modal fizikal tetapi gagal mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi kerana kelemahan pembangunan sumber manusianya. Kenyataan ini telah di sokong oleh Kamal dan Mei (1996), bahawa pembangunan sumber manusia adalah berfungsi sebagai pembina aset yang menyelesaikan masalah secara kreatif untuk memastikan kejayaan pekerja yang berkebolehan dan berminat.

Chan Yuen (2000) menegaskan bahawa organisasi kini tidak lagi memerlukan tenaga kerja yang ramai sebaliknya tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Ini kerana, pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi akan dapat menjamin sesebuah organisasi terus bertahan. Mohd Faizal (2005) mengemukakan ciri pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi ialah mempunyai pelbagai kemahiran, versatile, kreatif dan mampu berhadapan dengan perubahan teknologi yang berterusan dan mengikuti proses pembelajaran sepanjang hayat serta pekerja ini perlu membiasakan dalam penggunaan teknologi terkini bagi mengelakkan sebarang masalah dalam era globalisasi ini.

Dapat diringkaskan bahawa kepentingan dalam penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pekerja bagi melaksanakan sesuatu tugas dengan lebih berkesan

dan efektif telah di sedari oleh sesebuah organisasi. Institusi pengajian tinggi perlu mengambil inisiatif bagi menyediakan pelajar yang memenuhi kehendak pekerja dan majikan. Selain itu, menurut The Conference Board of Canada (2004), menyatakan bahawa majikan memerlukan pekerja yang berupaya berkomunikasi dengan berkesan, berfikiran kritis, mempunyai komitmen dalam proses pembelajaran berterusan, menunjukkan perwatakan dan tingkah laku yang bersesuaian, bertanggungjawab, bijak menyesuaikan diri dan boleh bekerja secara berkumpulan.

Menurut Lukman (2005), IPTA yang berkualiti mampu melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran komunikasi, nilai murni dan sebagainya. Menurut Sharifah Hapsah (2005), jaminan kualiti di IPT adalah untuk memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai kemahiran teknikal dan praktikal, profesional, kemahiran pengurusan pemikiran teknikal, kemahiran komunikasi dan kemahiran pengurusan maklumat serta pembelajaran sepanjang hayat. Jabatan Pendidikan Tinggi (KPT, 2006) pula meletak piawai (*standard*) bagi semua kurikulum dalam pendidikan tinggi di Malaysia harus mempunyai reka bentuk yang menerapkan kemahiran generik yang meliputi, iaitu (i) kemahiran berfikir, bertindak, mengadaptasi, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, (ii) kemahiran interpersonal dan berkomunikasi, (iii) kemahiran teknologi maklumat, multimedia dan kemahiran pengurusan maklumat, (iv) kemahiran kepimpinan, dan (v) kemahiran keusahawanan.

Maka, kemahiran generik merupakan kemahiran yang perlu ada pada setiap pelajar. Kemahiran ini tidak hanya tertumpu pada perkara-perkara yang mereka pelajari dalam bidang mereka (Lizzio & Wilson, 2004). Kemahiran ini termasuklah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berkumpulan dan kemahiran menyelesaikan masalah. Bagi melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran generik seperti ini, IPT perlu menerapkan elemen yang menggalakkan perkembangan kemahiran ini dalam diri setiap pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran Generik (KG) Dan Kemahiran Insaniah (KI)

Kemahiran generik merupakan kemahiran yang perlu ada pada seseorang untuk berfungsi dengan berkesan pada kadar minima sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki. Kemahiran generik berkembang melalui proses semula jadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan.

Kemahiran generik ini telah turut dibincangkan di semua peringkat sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun institusi pendidikan tinggi (IPT). Walaupun tidak terdapat satu senarai kemahiran yang khusus tentang KG, tetapi kebanyakannya berkait dengan kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. KG adalah antara elemen yang dikenal pasti amat kritis dalam dunia pekerjaan yang bersifat global, apatah lagi dengan perubahan teknologi yang begitu pantas. Oleh itu, graduan IPT mesti menguasai kemahiran yang memenuhi dan menepati kehendak pasaran kerja dan kehidupan harian yang kian mencabar.

Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pendidikan Tinggi (2006) telah menyatakan bahawa kemahiran insaniah merupakan kemahiran generik iaitu merangkumi aspek kemahiran generik. Kemahiran Insaniah tidak mempunyai satu senarai kemahiran yang khusus, walau bagaimanapun kemahiran ini berkait dengan kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Menurut modul ini lagi, kemahiran insaniah adalah antara elemen yang dikenal pasti amat kritis dalam dunia pekerjaan yang bersifat global serta mengalami perubahan teknologi yang begitu pantas. Oleh itu, graduan Institusi Pengajian Tinggi mesti menguasai kemahiran insaniah yang memenuhi dan menepati kehendak pasaran kerja dalam kehidupan harian yang kian mencabar.

Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan 7 elemen utama yang disenarai di bawah ini telah dipilih untuk dilaksanakan di IPT sebagai kemahiran generik yang perlu dikuasai oleh pelajar:

- i. Kemahiran Berkomunikasi
- ii. Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
- iii. Kemahiran Kerja Berpasukan
- iv. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
- v. Kemahiran Keusahawanan
- vi. Etika dan Moral Profesional
- vii. Kemahiran Kepimpinan

Espinoza (1999) telah menyenaraikan beberapa kemahiran-kemahiran generik yang diperlukan oleh majikan seperti kebolehan mengadaptasi, analitik, komunikasi, inisiatif, interpersonal, kepimpinan, keyakinan diri, dan bekerja dalam kumpulan merupakan kemahiran generik. Pumphrey (2001), mentakrifkan kemahiran generik sebagai kemahiran yang boleh berubah-ubah, yang terdiri daripada gabungan-gabungan pelbagai kemahiran yang boleh meningkatkan produktiviti individu. Kemahiran generik

ini juga bergantung kepada sektor ataupun kumpulan pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang pekerja itu untuk melakukan proses kerja untuk mendapatkan hasil yang diharapkan iaitu, kemahiran komunikasi, kemahiran fleksibiliti, kemahiran teknologi maklumat, pengurusan, kemahiran matematik, pengorganisasian kerja, bekerja secara kumpulan dan penyelesaian masalah.

Beberapa buah negara telah menggunakan istilah yang berbeza bagi kemahiran generik, namun begitu maksud dan tafsirannya adalah sama. Menurut National Centre for Vocational Education Research (2003), di United Kingdom, kemahiran generik dikenali sebagai kemahiran teras (core skills) dan kemahiran tambahan. Manakala majikan pula sering menggunakan kemahiran bercirikan keperluan majikan (employability skills). Antara kemahiran teras adalah, komunikasi, aplikasi penomboran, dan penggunaan teknologi maklumat.

Dengan penguasaan kemahiran generik, seseorang akan dapat menyesuaikan diri bukan sahaja dengan perubahan dan perkembangan dalam sektor pekerjaan malahan dalam menghadapi kehidupan seharian. Kemahiran generik turut menyediakan seseorang yang berperanan sebagai warga negara dan pekerja dalam mengharungi perubahan teknologi yang pesat dan berterusan (Sharifah Noor Anita, 2002). Justeru itu, para graduan hari ini hendaklah mempunyai kemahiran yang dituntut oleh majikan di samping pasaran kerja yang semakin mencabar. Maka, adalah menjadi tanggungjawab Institusi Pengajian Tinggi bagi menjana graduan yang memiliki kemahiran yang seimbang dan menyeluruh sama ada dari sikap, akhlak, dan sebagainya. Mohd Safarin dan Mohd Zolkifli (2005) dalam kajiannya merumuskan bahawa penempatan diri dan bersaing di pasaran pekerjaan global masa kini, para graduan tempatan harus mempunyai elemen-elemen kemahiran generik di samping cemerlang dalam bidang akademik. Menurut mereka lagi, elemen-elemen kemahiran insaniah akan membolehkan seseorang pekerja menggunakan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang ada dalam sebarang pekerjaan.

Hassan Said dalam Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institut Pengajian Tinggi (2006), menyatakan bahawa Institusi Pengajian Tinggi perlu menekankan kepentingan keperluan kemahiran insaniah yang dilihat sebagai penyumbang yang kritikal dalam menjana modal insan yang menyeluruh di samping mampu membawa persaingan di peringkat global. Dalam satu kajian yang dibuat oleh Green F (2001), kepentingan kemahiran insaniah ini adalah kerana mampu menghasilkan pekerja yang mempunyai kemahiran pelbagai (*overall employability*), mampu

bergerak dari sektor-sektor yang lain, bersedia menghadapi perubahan untuk meningkatkan autonomi pekerja, pekerja yang optimis, pekerja yang mempunyai sentiasa ingin belajar sepanjang hayat dan pekerja yang menangani perubahan budaya di tempat kerja.

Tambahan pula, majikan kini lebih memfokuskan kepada penyesuaian, pengurangan kos, peningkatan produktiviti serta pasaran, barang dan perkhidmatan baru. Seseorang pekerja perlu menunjukkan sikap boleh bekerjasama di dalam pasukan, berkebolehan menyelesaikan masalah dan kebolehan untuk berhadapan dengan situasi yang bukan menjadi rutin harian. Pekerja juga mestilah boleh membuat keputusan, bertanggungjawab dan berkomunikasi dengan berkesan. Kecekapan dan penguasaan kemahiran insaniah (soft skills) telah menjadi syarat utama bagi pekerja moden hari ini (*Australian National Training Authority, 2003*).

Berdasarkan perbincangan ini, jelas bahawa elemen kemahiran generik berbeza-beza mengikut negara. Perbezaan juga terdapat dari segi istilah yang digunakan di antara negara. Namun demikian, matlamat kemahiran generik adalah sama, iaitu untuk melihat pelajar-pelajar mempelajari dan menguasai setiap kemahiran generik tersebut.


PERMASALAHAN KAJIAN

Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam membina masyarakat khususnya dalam konteks menjadikan Malaysia sebuah negara maju berasaskan pengetahuan. Institusi Pendidikan bukan sahaja dianggap sebagai institusi dalam proses mengembang dan membudayakan ilmu malah bertanggungjawab untuk memenuhi aspirasi dan jangkaan masyarakat serta negara dengan melahirkan pelajar yang berketerampilan, mampu berfikir secara rasional, kritis, kreatif, inovatif, berdisiplin dan berakhhlak mulia (Abdul Hadi, 2000). Menurut Hasliza (2002), antara faktor lulusan institusi pendidikan tinggi tidak mendapat tempat di pasaran pekerjaan adalah kerana para graduan tidak mempunyai kemahiran insaniah. Ini kerana bakal majikan kurang yakin terhadap lulusan para graduan terutama pada aspek keperibadian, penampilan, keyakinan diri, kurang kemahiran berkomunikasi, kemampuan membuat keputusan terbatas dan tidak mampu bekerja dalam kumpulan.

Namun begitu sejak akhir-akhir ini terdapat keluhan dan suara-suara yang mempertikaikan kewibawaan pelajar hasil pendidikan masa kini yang semakin menurun, terutama dalam aspek kepimpinan dan jati diri sekalipun telah bergelar graduan yang diakui

keintelektualannya. Menurut hasil kajian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM, 2006), terdapat seramai 59,315 orang graduan masih gagal mendapat pekerjaan. Statistik tahun 2010 pula menunjukkan tren yang sama, di mana jumlah pengangguran mencecah 42,955 atau 24.62 peratus daripada 174,439 graduan yang ada (KPT, 2012), dan kekal mencemaskan pada Mei 2012 dengan jumlah 76,200 graduan di negara ini yang masih belum mempunyai sebarang pekerjaan tetap (KPT, 2012). Kertas ini seterusnya ingin melihat penerimaan pelajar-pelajar dalam menggunakan kaedah baharu dalam PnP yang meliputi EL dan SL ini. Sebahagian besar teori dan amali EL adalah berpandukan konsep awal John Dewey yang menyatakan bahawa “I assume that amid all uncertainties, there is one permanent frame of reference: namely, the organic connection between education and personal experience” (Myers et al, 2004).

RAJAH 1. Model Experiential Learning Kolb (Myers et al,2004)



Ringkasnya, "experiential education is a process through which a learner construct knowledge, skill, and value from direct experiences." Pendidikan berbasis pengalaman merupakan sebuah proses dimana para pembelajar membangun pengetahuan, keterampilan dan nilai dari suatu pengalaman secara langsung (Myers et al, 2004).

Pengajaran merupakan aktiviti yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan yang meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian; menyampaikan dan menyumbang idea-idea serta memudahkan pembinaan ilmu, menentukan standard dan menggalakkan kreativiti; membantu seseorang pelajar untuk belajar dan mencabar pelajar ke arah pencapaian potensi optimum. Pembelajaran sebagai perubahan dalam seseorang individu akibat daripada pengalaman; yang selalunya berlaku apabila pengalaman menyebabkan suatu

David Kolb (1984) memperkenalkan model proses EL yang berupa proses lingkaran dan terdiri dari empat fasa. Fasa Concrete Experience menggunakan pengalaman yang sudah dilalui peserta atau pengalaman yang disediakan untuk pembelajaran yang lebih lanjut. Fasa Reflective Observation membincangkan pengalaman yang dilalui para peserta. Fasa Abstract Conceptualization adalah proses menemukan tren yang umum dalam membentuk reaksi pada pengalaman yang baru untuk menjadi sebuah kesimpulan atau konsep yang baru. Fasa Active Experimentation melibatkan modifikasi perilaku lama dan mempraktikkannya pada situasi sehari-hari para peserta. Ringkasnya, seperti Rajah 1 di bawah.

perubahan yang agak kekal dalam pengetahuan atau tingkah laku seseorang. Perubahan ini mungkin secara sengaja atau tidak sengaja, untuk lebih baik atau lebih buruk, betul atau salah dan sedar atau tidak sedar. Ianya meliputi proses atau kegiatan belajar yang berlaku dalam pelbagai bentuk yang melibatkan pemerolehan dan pengubahsuaian pengetahuan, kemahiran, strategi, kepercayaan dan tingkah laku (Alsagoff (1986), Iskandar (1986), Langgulung (1981), Slavin (2005), Hill (2002), Schunk (1991), Evans & Brueckner (1990), Gagne (1985)).

METODOLOGI DAN HASIL KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif lapangan dalam memahami perkara sebenar yang berlaku, dengan penglibatan responden secara langsung dalam sesuatu proses (Yin, 2008). Bentuk deskriptif juga digunakan

sejajar dengan keperluan kajian iaitu untuk melihat sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting 1990). Responden kajian ini ialah seramai 25 orang dari tiga kumpulan pelajar dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan yang telah mengikuti kursus Pembangunan Diri II di UKM yang melibatkan kerja

lapangan sepenuhnya. Kerja Lapangan dijalankan di tiga tempat; iaitu satu di Rumah Seri Kenangan Cheras, satu di Pusat Jagaan alFikrah Kajang, dan satu lagi di Zoo Negara Hulu Kelang. Ringkasan maklumat tempat kajian dan respondent yang terlibat adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Tempat Kajian, Aktiviti Serta Bilangan Pelajar yang Terlibat

Tempat Kajian	Maklumat Ringkas Aktiviti	Bilangan Responden (Pelajar Terlibat)
Rumah Seri Kenangan Cheras	<p>Sebelum program, pelajar didedahkan dengan konsep konsep asas pembelajaran melalui pengalaman dan pembelajaran aktif, serta diminta menyusun merancang dan meminitikan semua pertemuan dan perancangan. Laporan awal perancangan dibincangkan dengan pensyarah, dan input pandangan diberi. Semua persiapan perjalanan program diurus sendiri oleh pelajar.</p> <p>Aktiviti pada hari lawatan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> 8.30 – 9.00 pagi - ketibaan 9.00 – 9.30 pagi - taklimat 9.30 – 12.00 tgh - sesi ramah mesra dengan warga emas 12.00 – 1.30 ptg – “menyuap santapan buat ayah-bonda” 1.30 ptg zohor dan tazkirah zohor 2.30 – 4.00 ptg – persembahan buat ayah bonda 4.30 ptg - bersurai <p>Selepas program, pelajar diminta memberikan refleksi berdasarkan pengalaman proses pembelajaran yang dilalui. Refleksi dilakukan melalui persembahan dalam bentuk poster, refleksi perasaan pengalaman dan pembentangan tugas serta laporan akhir.</p>	<p>9 (5 perempuan 4 Lelaki)</p>
Pusat Jagaan al-Fikrah Kajang	<p>Sebelum program, pelajar diberi penerangan dengan konsep konsep asas pembelajaran melalui pengalaman dan pembelajaran aktif, serta pelajar semua diminta menyusun merancang dan meminitikan semua pertemuan dan perancangan mereka. Laporan awal perancangan dibincangkan dengan pensyarah, dan input pandangan diberi serta dibincangkan bersama. Semua persiapan perjalanan program diurus dan diusahakan sendiri oleh pelajar.</p> <p>Aktiviti pada hari lawatan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> 9.00 – 9.30 pagi - ketibaan 9.30 – 10.00 pagi - taklimat 	<p>8 (6 Perempuan 2 Lelaki)</p>

Analisa terhadap tembual dan perbincangan berkumpulan dilakukan dengan menggunakan kaedah thematic analisis untuk meneroka perspektif utama dapatan. Thematic analysis adalah satu kaedah yang melibatkan membaca, mengkaji transkripsi yang telah dibuat secara verbatim yang dibuat pengkodan dan kategori daripadanya (Boyatzis, 1998, Strauss & Corbin, 1998). Analisa seterusnya dibandingkan, dinilai, dan dilihat kesamaan dan perbezaannya,

sebelum tema utama dapat dihasilkan.

Daripada analisis refleksi yang ditulis oleh pelajar, terdapat empat tema utama dapat dikeluarkan yang meliputi; pemantapan jati diri, semangat kerjasama, komunikasi berkesan dan pengurusan maklumat yang tepat, yang kesemuanya menepati empat komponen hasil pembelajaran utama subjek Pembangunan Diri II ini. Dapatkan tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2. Kemahiran Generik Yang Diperolehi Pelajar Melalui Pembelajaran EL & SL

Tema (Theme)	Transkripsi (Quotations)
Pemantapan Jati Diri	<ul style="list-style-type: none"> “<i>Semangat jatidiri, saling kasih sayang terbit dalam program yang dilakukan ini.</i>”(P1-S2) “<i>Sekali saya melihat wajah makcik itu, ingatan saya terhadap <i>neneh di kampung</i> jauh melayang, betapa kadang kala, saya mengabaikan nenek saya..</i>”(P2-S3) “<i>Ketika memberi makan kepada kura-kura gergasi itu, rasa belas terhadap haiwan timbul...</i>”(P3-S5) “...wajah warga emas di Rumah Seri Kenangan ini, adalah <i>cerminan diri kita...</i>”(P1-S6)
Semangat Kerjasama Dan Berpasukan,	<ul style="list-style-type: none"> “<i>Sifat bekerjasama dan amanah</i> yang tinggi sesama ahli kumpulan mempastikan projek ini berjaya.”(P2-S4) “<i>Bukan mudah untuk kami sampai ke tahap ini, jika tiada semangat setia kawan, sekepala dan sekumpulan</i> yang utuh ini..”(P3-S2) “<i>selaku setiausaha kumpulan</i> saya ini, saya perlu memastikan setiap minit dan acara dirancang dan dilaksanakan dengan teliti...”(P1-S3) “...walaupun saya ketua kumpulan, <i>keputusan yang dibuat adalah bersama...</i>”(P1-S1)
Komunikasi Yang Berkesan	<ul style="list-style-type: none"> “<i>nilai komunikasi</i> sangat penting dalam menjayakan projek ini.”(P2-S7) “<i>Setiap selang sehari, saya pasti akan initiate something for us to communicate..</i>”(P1-S4) “<i>Semua surat surat</i> dan perkara perkara kesetiausahaan, ada pada saya, termasuk senarai contact person dan keepers, di zoo negara...”(P3-S5) “<i>Bila nak berjanji, kami pastikan semua orang reply, dan mention faham...</i>”(P2-S6)
Pengurusan Maklumat Sepanjang Hayat	<ul style="list-style-type: none"> “<i>Sebagai setiausaha projek ini, saya dapat memahami cara pengurusan maklumat yang berkesan.</i>”(P2-S2) “<i>Pengurusan sumber maklumat</i> yang betul akan menjayakan projek ini dengan lancar..”(P1-S5) “<i>Baru saya tahu, bahawa kita boleh membuat kerja kerja amal di zoo negara sambil dapat bermain dengan haiwan haiwan...</i>”(P3-S4) “<i>Pemahaman dan pengetahuan tentang badan berwajib dan NGO</i> yang membantu warga emas di kalangan kumpulan kami meningkat...”(P1-S8)

Rajah 2 berikut adalah beberapa gambar aktiviti sekitar kajian lapangan sebagai contoh.

RAJAH 2. Aktiviti Pelajar Di Lapangan Kajian



Satu Lawatan ke Rumah Seri Kenangan Cheras.

Pelajar Sepenuhnya diberi kepercayaan menjalankan program di RSK Cheras.



Sesi Beramah Mesra dan Menyuap makan tengahari pada warga emas.

CADANGAN DAN RUMUSAN

Kemahiran generik dan kemahiran insaniah perlu diberi penekanan dalam menghasilkan graduan yang bakal mewarnai modal insan dalam rangka memenuhi keperluan negara. Oleh itu, pelajar UKM yang sedang mengikuti pengajian perlu dipupuk, disemai dan disuburkan kemahiran generik dan insaniah dalam kalangan mereka. Penilaian dan ganjaran juga perlu diberikan kepada mereka yang menguasai elemen-elemen kemahiran generik dan kemahiran insaniah. Pendedahan duduk bersama warga emas yang kaya dengan pengalaman hidup, membantu golongan pesakit dan warga emas yang kurang sihat di samping membuat kerja amal di Zoo Negara sangat penting dalam memberikan pendedahan kepada pelajar tentang gaya baharu dalam kaedah Pembelajaran dan Pengajaran

khususnya melalui kaedah EL dan SL ini.

Penyelidik mencadangkan UKM menyemak semula kurikulum yang digunakan supaya kemahiran generik dan insaniah ini secara tidak langsung ini dapat terus terjamin diterapkan dengan lebih baik dan berkesan lagi. Penekanan juga perlu diberikan kepada bagaimana kursus-kursus yang merangkumi kemahiran generik dan kemahiran insaniah dalam berbentuk pembangunan diri secara peribadi dan persendirian dapat diketengahkan dan diperbaiki. Yang jelas, hasil kajian ini menunjukkan pendekatan EL dan SL dalam menjalankan kursus-kursus kemahiran generik adalah sangat baik, dan kursus-kursus tersebut sangat membantu pelajar dalam mempertingkatkan kemahiran generik dan insaniah mereka dalam mengharungi masa hadapan yang lebih bermakna.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Mohamad. 2000. *Konsep Kemahiran Berfikir: Pengertian Kemahiran Berfikir*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Ahmad Kamal Abdullah. 1989. *Unsur-Unsur Islam dalam Puisi Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, M.F. 2005. ‘Tahap Penguasaan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Perakaunan Semester Akhir: Satu Tinjauan di Tiga Buah Politeknik dan Kolej Komuniti
- Australian National Training Authority. 2003. “*Defining Generic Skills A Glance*.” Adelaide: NCVER Ltd. <http://www.ncver.edu.au/research/proj/nr21226.pdf>.
- Boyatsis, R.E. 1998. *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. London: Sage.
- Buntat, Y. 2004. “Integrasi Kemahiran “Employability” dalam Program Pendidikan Vokasional Pertanian dan Industri di Malaysia.” Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Phd.
- Chan Yuen Fook. 2000. Apakah aspek penting dalam latihan kepengetuaan pada abad ke 21. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan & Kepimpinan Pendidikan ke 9. Anjuran Institut Aminuddin Baki. Genting Highlands, 1–3 Ogos.
- Espinoza, J.M. 1999. *Skills Students Learn while Working in College*. Blackburg: Virginia Press.
- Green, F. 2001. “Market Value of Generic Skills.” Research Paper 8, University of Kent.
- Hashim, H. @R., Wahab, M.N.A. & Ali, Z.M. 2005. Pembangunan Sahsiah Mahasiswa Bersepadu: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Kolej Universiti Kejuruteraan. Kertas kerja yang dibentang di Seminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan, di Hotel Aseania, Langkawi 17-18 Disember 2005.
- Hassan, H. 2002. “Ciri-ciri Kualiti Pelajar Untuk Keperluan Pekerjaan Pada Masa Kini”. Seminar Antara Industri dan Industri Pendidikan Awam, Universiti Teknologi Malaysia
- Kamal, S. & Mei, L.Y. 1996. Sectoral Projection in Manpower Needs in Malaysia. In The Human Resource Perspective Towards Achieving Vision 2020. Kementerian Pembangunan Industri Sarawak: UITM Sarawak.
- Ismail, L. 2005. *Utusan Malaysia*. Jumaat, 27 Mei 2005, ms 7.
- Ismail, R. 2007. *Pembangunan Sumber Manusia Dalam Era k-Ekonomi*. Bangi: Penerbit UKM.
- Jaafar, S.N.A.S. 2002. “Pengurusan Kemahiran Generik Dalam Memenuhi Kehendak Pasaran Kerja: Kajian di Kalangan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson.” Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2006. *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2012. Graduan Sukar dapat Kerja. Portal Blog Rasmi KPT, Kuala Lumpur. 06 November 2012.
- Konting, M.M. 2000. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lazerson, M, Wagener, U and Shumanis, N. 2000. What Makes a Revolution: Teaching and Learning in Higher Education, 1980-2000. National Center for Postsecondary Improvement, Stanford University, School of Education.
- Lizzio, A. & Wilson, K. 2004. First year students’ perception of capability. *Research in Higher Education* 29: 109-126.
- Safarin, M. & Zolkifli, M. 2005. “Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti.” Kertas Kerja Seminar Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Myers, B.E & Roberts, T.G. 2004. Conducting and Evaluating Professional Development Workshops using Experiential Learning. *NACTA Journal* 48: 27-32.
- National Centre for Vocational Education Research. 2003. “*Generic Skills Understanding VET Teacher and Student Attitudes*.” Kensington: Australia.
- Oblinger, D & Verville, A. 1998. *What Business Wants from Higher Education*. Phoenix: Oryx Press.
- Pumphrey, J. 2001. *A Comprehensive Summary of Generic Skills Requirement*. London: The Council For Administration.
- Reigelut 1999. “What is a Generic Skill”. www.indiana.edu/~idtheory/methods/m7a.html.
- Schroder, H. M. 1989. Managerial competences: The key to excellence. Kendall-Hunt, Dubuque, IA.
- Shahabudin, S.H.S.H. 2005. *Kerangka Kelayakan Malaysia*. Kuala Lumpur: Lembaga Akreditasi Negara.
- Shatar, M. & Mohamad, A. 2008. The University – IndustriLinkage: The Role Of Student Development Services Profesional. Paper Presented in Regional Convention On Student Development, Phuket, Thailand) October 29th – 31th, 2008, Organized by Universiti Utara Malaysia.
- Simmons, S.R. 2006 “A Moving Force”: A Memoir of Experiential Learning. *Journal of Natural Resources and Life Sciences Education* 1(35): 132-139
- Strauss, A. & Corbin, J. 1998. *Basics of Qualitative Research*. London: Sage.
- Yin, K. R. 2008. *Case Study Design and Method*. CA: Sage.

Norazila Mat (Dr.)
 Jabatan Pengurusan
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 UKM
 E-mel: norazila@ukm.edu.my

Jamsari Alias (Dr.)
 Pusat Citra Universiti
 UKM
 E-mel: jamsari@ukm.edu.my

Nazri Muslim (Prof. Madya Dr.)
Pusat Citra Universiti
UKM
E-mel: nazrim@ukm.edu.my

Nur Atiqah Abdullah (Dr.)
Jabatan Pengurusan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
UKM
E-mel: atiq@ukm.edu.my